

SETULUS KATA

Usah pandang ringan pencapaian Melayu



CONTOHI SISTEM PENDIDIKAN: Sistem Madrasah Al-Irsyad dipilih oleh tiga yayasan pendidikan di Indonesia bagi menjadikannya contoh membangunkan rangkaian sekolah di sana. - Foto fail

1/2

5 Oct 2014

NAZRY MOKHTAR

APAKAH yang boleh dibanggakan dengan pencapaian orang Melayu Singapura?

Persoalan ini pernah diajukan kepada saya dalam sembang dengan wartawan serantau sewaktu membuat liputan berita di luar negara tidak lama dahulu.

Sememangnya, topik mengenai perkembangan masyarakat Islam serantau kerap timbul dalam sesi-sesi sembang sedemikian.

Jawapan saya: Kemajuan menyeluruh masyarakat Melayu di sini tidak wajar dipandang ringan.

Malah, pencapaian orang Melayu Singapura memang boleh dibanggakan kerana dicapai hasil kerja keras dan semangat berdikari di bawah dasar meritokrasi.

Saya tidak pasti sama ada jawapan saya memuaskan rakan-rakan wartawan yang lain atau tidak.

Biasanya, perdebatan seperti ini sering dikaburi sentimen patriotisme kerana masing-masing mahu mempertahankan imej dan status masyarakat sendiri.

Cakap mudahnya, masing-masing tidak mahu kalah. Namun yang nyata, setiap masyarakat ada ukurtara pencapaiannya.

Satu ukurtara yang boleh dijadikan sandaran ialah apabila pencapaian kita mampu meninggalkan kesan atas masyarakat lain.

Tentunya, sebagai sebuah masyarakat Islam minoriti, kita boleh berbangga apabila melihat amalan dan kejayaan kita disorot dan dijadikan contoh oleh masyarakat lain, khususnya umat Islam yang membentuk golongan majoriti di negara masing-masing.

Bagi saya, inilah antara ukurtara pencapaian yang penting lagi bermakna.

Hakikatnya, sepanjang beberapa tahun lalu, kemajuan Melayu Singapura mula mendapat perhatian di persada antarabangsa.

Contoh terbaru ialah kejayaan Warees Halal mendapatkan langganan daripada sebuah syarikat katering penerbangan Jepun, TFK Corporation (TFK), bagi pensijilan halalnya baru-baru ini.

TFK memilih jabatan Warees Investments Pte Ltd itu untuk mendapatkan sijil halal bagi dapur hidangan pesawatnya di Lapangan Terbang Narita di Tokyo.

Ia merupakan dapur dalam penerbangan halal pertama di Jepun.

Tentunya, kejayaan ini suatu pengiktirafan yang besar ertinya kerana Warees Halal mampu mengatasi persaingan daripada beberapa jenama pensijilan yang lain terutama daripada negara-negara Islam sendiri.

Ini sekali gus mencerminkan keyakinan antarabangsa terhadap jenama dan proses pensijilan anak syarikat milik penuh Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) itu.

Selain pensijilan halal, sistem madrasah Singapura juga telah berjaya memikat perhatian di luar negara.

Madrasah-madrasah ini tertarik dengan kejayaan madrasah setempat memodenkan pendidikan madrasah yang menggabungkan pelajaran ukhrawi dan akademik.

Misalnya, model Madrasah Al-Irsyad telah dipilih oleh tiga yayasan pendidikan di Indonesia untuk dijadikan contoh membangunkan rangkaian sekolah di sana.

Selain itu, beberapa negara lain juga telah menunjukkan minat terhadap model pendidikan Irsyad.

Mac lalu, wakil lima rangkaian madrasah dari Malaysia, Indonesia dan Thailand telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MOU) untuk menggunakan sebuah kurikulum pembelajaran bahasa Arab Al-Irsyad di sekolah mereka.

Di bawah MOU itu, guru madrasah di bawah rangkaian itu akan dilatih pelatih madrasah tersebut.

Selain Madrasah-Al-Irsyad, institusi dan badan Melayu/Islam lain yang turut mendapat perhatian luar negara termasuk masjid, Pusat Harmoni, Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG), Mahkamah Syariah, Yayasan Mendaki dan Angkatan Karyawan Islam (AMP).

Badan-badan ini sering menerima kunjungan pelawat serantau dan antarabangsa yang mahu mencedok pengalaman dan mempelajari sistem pentadbiran dan pengurusan cekap dan bermutu.

Sebagai contoh, Pusat Harmoni kian diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pendekatan praktikal dan berkesan dalam membina hubungan antara agama yang stabil dan harmoni.

Kumpulan RRG yang ditabalkan sebagai pemenang Anugerah Jauhari tahun ini pula adalah model contoh dalam usaha sejagat mengekang ideologi ekstremisme dan mengekalkan keharmonian masyarakat.

Di peringkat individu, pencapaian Melayu di sini tidak kurang memberangsangkan.

Mahasiswa Melayu/Islam yang melanjutkan pelajaran di luar negara, baik dalam bidang sekular mahupun ukhrawi, sering dipuji oleh pihak universiti kerana pengetahuan mereka yang mendalam dan sikap positif terhadap pengajian mereka.

Jadi, tidak menghairankan apabila mereka mampu mengatasi pelajar negara lain.

Misalnya, ramai lulusan kepujian kelas pertama pengajian Melayu di Universiti Malaya terdiri daripada pelajar Melayu/Islam Singapura.

Di sidang dan forum antarabangsa pula, delegasi Singapura terkenal dengan sikap mereka yang tekun dan bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan.

Pucuk pangkalnya, pencapaian orang Melayu amatlah ketara sepanjang lima dekad sejak merdeka.

Namun ini tidaklah bermakna kita boleh berpuas hati dan mula goyang kaki kerana masih ada banyak ruang untuk memperbaiki tahap pencapaian.

Isu sosial yang membelenggu Melayu masih belum terhurai. Ini termasuklah soal jurang pendapatan dengan masyarakat lain dan masalah keluarga berantakan.

Masalah kesihatan yang kian meruncing juga berpotensi memberi tekanan terhadap pembangunan masyarakat.

Namun, isu-isu ini tidak disembunyikan di bawah permaidani. Sebaliknya, ia ditangani dengan gigih berbekalkan semangat gotong-royong yang diperkasa dengan bantuan daripada semua pihak termasuk pemerintah.

Pastinya, perayaan jubli emas Singapura yang bersejarah tidak lama lagi boleh memberi kita peluang untuk menyorot dan meraikan pencapaian yang penuh bererti ini.

Bagi saya, bahan-bahan ini boleh saya kumpul dan ceritakan kepada rakan wartawan luar negara apabila kami bersembang lagi kelak.